

HIKMAH IBADAH KORBAN

- Tanda melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT.
- Menghilangkan rasa kedekut dan tamak dalam diri dan melatih umat Islam agar sentiasa berkorban demi menegakkan syiar Islam.
- Membantu golongan fakir dan miskin yang sentiasa memerlukan pertolongan.
- Mengenang dan menghayati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anak Baginda, Nabi Ismail AS.
- Mengeratkan tali silaturrahim dan ukhuwwah di kalangan umat Islam.

PEMBAHAGIAN KORBAN

- ☉ Wajib : Daging korban disedekahkan dalam keadaan mentah kepada fakir miskin; Daging korban nazar wajib disedekahkan kesemuanya.
- ☉ Harus : Orang yang melakukan ibadah korban seelok-eloknya diambil 1/3 daripadanya (sebagai tabarruk), 1/3 lagi disedekahkan kepada fakir miskin dan 1/3 lagi kepada saudara mara, jiran tetangga dan orang Islam yang lain.
- ☉ Haram : Daging korban disedekahkan kepada orang bukan Islam.



KELEBIHAN MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

■ Nabi SAW bersabda : *“Tidak ada amalan manusia pada Hari Raya Korban yang lebih disukai di sisi Allah SWT daripada menyembelih binatang-binatang korban. Sesungguhnya binatang korban akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya dan kakinya. Sesungguhnya darah korban itu diterima oleh Allah SWT di tempat yang tinggi sebelum darah tersebut jatuh ke atas muka bumi. Maka hendaklah kamu lakukan ibadah korban dengan hati yang tulus”.*

(Riwayat at-Tirmizi, Hakim & Ibnu Majah daripada Aisyah RA)

■ Daripada Zaid bin Arqam berkata : Sahabat Rasulullah SAW bertanya: *“Wahai Rasulullah, apakah ertinya korban-korban ini?”.* Baginda menjawab: *“Ia adalah sunnah bapa kamu Nabi Ibrahim AS”.* Mereka bertanya: *“Apakah ganjaran korban bagi kami wahai Rasulullah?”.* Baginda menjawab : *“Setiap helai bulu pada kulit mendapat satu pahala kebajikan (kebaikan)”.*

(Riwayat Hakim, Ahmad & Ibnu Majah)

■ Daripada Ali KAW dan Abu Said Al-Khudri RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah RA : *“Bangkitlah pergi menuju binatang korbanmu dan saksikanlah upacara korban bagi binatang korbanmu. Sesungguhnya dengan jatuhnya titisan darah pertama binatang korbanmu maka terampunlah dosa-dosamu yang lepas”.*

(Hadith riwayat Hakim & Baihaqi)

TERBITAN
2009



AIDIL ADHA & KORBAN : CINTA HAMBAA KEPADA PENCIPTA AGUNG



TAKRIFAN KORBAN

Menyembelih binatang tertentu pada hari raya `Aidiladha dan hari-hari Tasyrik iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah

bertujuan untuk beribadat dan menghampirkan diri kepada Allah SWT.

HUKUM MELAKSANAKAN KORBAN

Sunat Muakkad iaitu sangat dituntut ke atas orang yang berkemampuan.

PENSYARIATAN IBADAH KORBAN

Firman Allah SWT : *“Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu, dan berkorbanlah (sebagai ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah)”.*

(Surah al- Kauthar : ayat 2)

PENSYARIATAN KORBAN

Tahun kedua hijrah sempena mengingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anak Baginda, Nabi Ismail AS.



TERBITAN
2009

'AQIQAH : TUNTUTAN SUCI UNTUK SI KECIL



PENGERTIAN 'AQIQAH

Menyembelih binatang ternakan kerana menyambut kelahiran bayi sebagai tanda kesyukuran kepada Allah

SWT.

HUKUM 'AQIQAH

Sunat Muakkad.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkaran) dengan 'aqiqahnya, disembelih haiwan untuknya pada hari ketujuh, dicukur kepalanya dan diberi nama"*.

(Riwayat Abi Daud)

Disediakan oleh :
Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

HIKMAH 'AQIQAH



- ◆ Tanda kesyukuran kerana mendapat cahaya mata yang baru.
- ◆ Mendekatkan bayi kepada perkara kebajikan.
- ◆ Mengeratkan ukhuwwah sesama muslim.

MASA PERLAKSANAAN 'AQIQAH

- Lebih afdhal dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi.
- Harus dilakukan pada bila-bila masa sehingga kanak-kanak itu baligh.

PERKARA YANG DISUNATKAN KETIKA 'AQIQAH

- ▶ Memasak daging 'aqiqah dengan masakan yang manis;
- ▶ Mencukur rambut bayi selepas menyembelih binatang;
- ▶ Memberi sedekah emas atau perak seberat rambut bayi yang dicukur atau nilai wang yang sama dengan emas atau perak tersebut;
- ▶ Tulang binatang sembelihan tersebut tidak dipatah-patahkan melainkan dipotong atau diceraikan pada sendi-sendi-nya sahaja;
- ▶ Memberi nama yang baik kepada bayi;
- ▶ Memberi sedekah daging 'aqiqah kepada fakir miskin.

KADAR 'AQIQAH

- Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Aishah RA bermaksud: *"Rasullullah SAW memerintahkan kepada kami supaya menyembelih 'aqiqah untuk anak lelaki dengan dua ekor kambing yang sebaya dan untuk anak perempuan seekor kambing"*.

(Riwayat Ibn Abi Syaiban)

- Jumhur 'ulama bersepakat dibolehkan sekiranya seekor unta, seekor kerbau atau seekor lembu (contohnya) dikongsi sehingga 7 orang (7 bahagian) walaupun ada bahagian daripada binatang sembelihan itu bukan untuk 'aqiqah.
- Oleh itu, 'aqiqah bagi anak lelaki ialah dua ekor kambing atau 2 dari 7 bahagian 'aqiqah (lembu, unta atau kerbau) dan anak perempuan ialah seekor kambing atau 1 daripada 7 bahagian 'aqiqah (lembu, unta, kerbau).
- Harus orang yang melakukan ibadat 'aqiqah memakan daging 'aqiqahnya dan afdhal diambil 1/3 daripadanya sebagai tabarruk (berkat), 1/3 lagi disedekahkan kepada fakir miskin dan 1/3 lagi kepada orang Islam yang lain.
- Daging 'aqiqah nazar wajib disedekahkan kesemuanya dan haram bagi orang yang bernazar memakan daging 'aqiqahnya.